



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Myanmar, Viet ambil bahagian

Berita Harian, 10 March 1993, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL19354

Printer-Friendly Page

Myanmar, Viet ambil bahagian

Kali pertama sertai acara silat Sukan SEA

SILAT Oleh **ZAINAL JAMARI**

MYANMAR dan Vietnam buat julung-julung kalinya akan menyertai acara silat dalam Sukan SEA yang akan berlangsung di sini dalam Jun ini.

Ini dinyatakan oleh Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Haji Sarkawai Masom, semalam.

Menurut beliau, penyeritaan kedua-dua negara itu dalam acara silat telah diputuskan dalam satu mesyuarat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang diadakan di sini dalam Januari lalu.

Beliau berkata: "Antara kedua-duanya, Myanmar yang kelihatan lebih ghairah untuk menyertai acara silat.

"Berdasarkan maklumat yang saya perolehi daripada Persilat, kegiatan silat memang sudah terdapat di kawasan perkampungan di sekitar selatan Yangon. Mereka mempunyai gerak silat yang tersendiri.

"Negara itu juga telah mempunyai badan silat nasionalnya yang dikenali sebagai Persekutuan Thaing Myanmar dan berpusat di Yangon."

Mengenai Vietnam, Haji Sarkawai berkata negara tersebut tidak mempunyai kegiatan silat, tetapi memiliki

seni bela diri yang tersendiri yang diwarisi dari zaman ke zaman.

Vietnam juga telah menubuhkan persekutuan silatnya sendiri.

Bagaimanapun, kedua-dua negara itu belum pernah diketahui mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan silat antarabangsa.

Menurut Haji Sarkawai lagi, sejauh yang diketahuinya, kedua-dua negara itu juga belum pernah mengadakan pertandingan silat di peringkat nasional.

Mengenai peluang pasukan Singapura memenangi pingat dengan adanya penyertaan tambahan dari

Myanmar dan Vietnam itu, Haji Sarkawai berkata bahawa ia tidak akan menjejaskan peluang kita.

Ini kerana Persisi menjangkakan saingan hebat akan diberikan oleh Indonesia dan Thailand.


"Namun kami tidak akan memandang rendah terhadap kebolehan para pesilat Myanmar dan Vietnam kerana mereka mungkin lemah dari segi prestasi, tetapi kuat dari segi fizikal dan ketahanan nafas," katanya.

Beliau berkata, pada keseluruhannya, para penduduk Vietnam telah biasa dengan peperangan yang

membentuk sifat lasak dan berani sementara para penduduk Myanmar pula sudah biasa dengan kerja keras seperti di kawasan sawah padi dan perhutanan.

"Pendapat peribadi saya ialah kedua-dua negara cuba menggunakan peluang ini untuk melimbas pengalaman dan mempelajari sesuatu," katanya.

Menurut Haji Sarkawai lagi, Vietnam akan menghantar satu pasukan yang terdiri daripada lima pesilat lelaki dan empat wanita, sementara Myanmar akan menghantar seorang peserta lelaki dan seorang wanita.



“ Berdasarkan maklumat yang saya perolehi daripada Persilat, kegiatan silat memang sudah terdapat di kawasan perkampungan di sekitar selatan Yangon. Mereka mempunyai gerak silat yang tersendiri. Negara itu juga telah mempunyai badan silat nasionalnya yang dikenali sebagai Persekutuan Thaing Myanmar dan berpusat di Yangon. ”

— Haji Sarkawai Masom, Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi).